

Headline **PUGM bawa 150 kanak-kanak yatim, HIV beli baju raya**
Date **23 Aug 2010**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Setempat**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **2**
Article Size **168 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **4,831**
PRValue **14,493**



PUGM bawa 150 kanak-kanak yatim, HIV beli baju raya

KUALA LUMPUR: Sempe-
na Aidilfitri bulan depan,
seramai 150 anak yatim dan
kanak-kanak penghidap
HIV/Aids dari tiga rumah
kebajikan sekitar Lembah
Klang, diraikan dalam pro-
gram kemasyarakatan dengan
dibawa membeli pakaian ra-
ya sebagai persiapan men-
yambut Syawal.

Program anjuran Persatuan
Usahawan Graduan Malay-
sia (PUGM) itu merai-
kan kanak-kanak dari tiga rumah
iaitu Persatuan Kebajikan
Anak Pesakit HIV/Aids Nu-
rul Iman Malaysian (Per-
nim), Rumah Amal Peribadi
Mulia dan Rumah Solehah.

Presiden PUGM, Muzamir
Mustafa, berkata pihaknya
bersyukur serta gembira ber-
jaya menjalankan program
berkenaan demi memastikan
kanak-kanak kurang bernas-
sib baik mendapat peluang
meraikan Aidilfitri bersa-
ma-sama umat Islam lain de-
ngan meriah.

Beliau berkata, PUGM su-
dah menganjurkan program
meraikan anak yatim sejak
empat tahun lalu, namun ia
kali pertama bagi pihaknya
menjalankan aktiviti mem-
beli-belah pakaian raya ber-
sama kanak-kanak kurang



**Kami bersyukur
berjaya menjalankan
program berkenaan
demi memastikan
kanak-kanak kurang
bernasib baik
mendapat peluang
meraikan Aidilfitri
dengan meriah"**

>Muzamir Mustafa
Presiden PUGM

bernasib baik.

"Selepas melihat kegembiraan yang terpancar di wajah setiap kanak-kanak berkenaan kerana mendapat baju baru, kami bercadang meneruskan program membeli-belah pakaian hari raya untuk setiap tahun.

"Program ini dapat dilaksanakan hasil keprihatinan dan sumbangan badan korporat, syarikat, institusi kerajaan dan orang ramai. Oleh itu, saya berharap lebih ramai akan tampil menguhurkan derma supaya program ini dapat diteruskan," katanya pada Program Pembelian Pakaian Hari Raya bersama Anak-Anak Yatim di Jusco Cheras Selatan di sini, kelmarin.

Selain itu, Muzamir berkata, pada masa depan, pihaknya bercadang memperluaskan program itu dengan memilih lebih banyak rumah kebajikan supaya lebih ramai kanak-kanak dapat diraikan menjelang Syawal.

Pada masa sama, katanya, PUGM memperuntukkan RM100 untuk setiap kanak-kanak berkenaan untuk memilih jenis, warna, gaya pakaian hari raya mengikut cita rasa masing-masing.